

28/01/1997

Draf dua akta aturan siber siap

SEBANYAK dua daripada lima akta undang-undang siber yang berkaitan dengan Koridor Raya Multimedia (MSC) sudah siap dirangka, manakala tiga lagi akta itu sedang disediakan, kata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie.

Katanya, dua akta terbabit ialah Akta Tandatangan Digital dan Akta Jenayah Komputer. Yang lain ialah Akta Teleperubatan, Akta Fungsi Kerajaan Elektronik dan Akta Penyatuan Multimedia.

"Empat daripada akta itu dijangka dibentangkan di Sidang Dewan Rakyat Mac ini tetapi Akta Penyatuan Multimedia yang bertujuan menggabung dan memperbaharui undang-undang telekomunikasi, penyiaran dan penerangan berdasarkan perkembangan semasa, hanya akan siap sebelum hujung tahun ini."

"Malah, Akta Hakcipta akan juga dipinda untuk disesuaikan dengan keperluan semasa terutama bagi memasukkan kandungan yang lebih banyak dan meningkatkan lagi soal penguatkuasaan," katanya selepas merasmikan persidangan kebangsaan mengenai perdagangan elektronik selama dua hari anjuran Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli) di Kuala Lumpur, semalam.

Apabila semua undang-undang itu diluluskan, MSC akan mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap dengan undang-undang sokongan, dasar dan peraturan yang diperlukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempromosikan MSC di Amerika Syarikat dan Jepun baru-baru ini, berkata undang-undang itu penting bagi membolehkan syarikat yang beroperasi di MSC dilindungi daripada kegiatan cetak rompak, jenayah komputer dan penipuan.

Undang-undang siber dijangka dapat menggalakkan lebih banyak syarikat teknologi maklumat multinasional membuka cawangan di negara ini kerana yakin dengan kemantapan kerajaan melindungi pelaburan mereka.

(END)